

SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PELAKSANAAN END TO END (E2E)
BAGI URUSAN PENGUATKUASAAN
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WPKL

1) Apakah yang dimaksudkan dengan *End to End* Penguatkuasaan?

End to End (e2e) Penguatkuasaan ialah pelaksanaan proses serahan, bayaran dan cetakan sepenuhnya secara atas talian (*online*).

2) Apakah metode pembayaran yang ada dalam pelaksanaan *End to End*?

Metode pembayaran adalah secara FPX sahaja.

3) Apakah urusan Penguatkuasaan yang terlibat secara *End to End*?

Urusan Penguatkuasaan yang terlibat secara *End to End* ialah:

- 1) **425KTN – Pendudukan Secara Tidak Sah, Tanah Kerajaan, Tanah Rizab atau Tanah Perlombongan.**
- 2) **426KTN – Pencabutan atau Pemindahan Bahan Batuan Secara Tidak Sah.**
- 3) **70KTN – Permohonan Pengeluaran Permit Bahan Batuan.**

4) Adakah urusan boleh dibuat sekiranya tiada akaun pengguna Portal Awam e-Tanah PPTGWPKL?

Tidak. Pelanggan perlu mendaftar di bawah Akaun Pengguna di Portal Awam e-Tanah PPTGWPKL sebelum dapat membuat sebarang urusan penguatkuasaan.

(<https://www.ptgwp.gov.my/etanahawam/protected/awam/AwamPengurusanWakilForm.xhtml>)

5) Adakah setelah terlaksana *End to End* maka tiada lagi perserahan aduan menerusi kaunter?

Tidak, perserahan Aduan masih boleh diserahkan di kaunter.

6) Bagaimanakah cara untuk mendapatkan makluman kemajuan proses kerja bagi sesuatu urusan yang telah dihantar?

Pelanggan akan menerima notifikasi menerusi emel individu yang didaftarkan di portal dan notifikasi di portal awam atau pelanggan boleh melihat status permohonan di portal awam.

7) Bagaimanakah pelanggan akan mendapat makluman berkenaan pertanyaan/inquiry oleh pihak PPTGWPKL?

Pelanggan akan menerima notifikasi secara emel individu yang didaftarkan di portal atau notifikasi di portal awam.

8) Jika pelanggan terlupa untuk cetak resit, bagaimanakah cara pelanggan untuk mendapatkan semula salinan cetakan resit?

Pelanggan boleh mencetak semula resit dengan masuk ke portal awam dan klik di STATUS PERMOHONAN seterusnya klik pada TINDAKAN untuk cetakan semula.

9) Apakah format fail surat/borang untuk dimuatnaik di dalam Portal Awam?

Format fail surat untuk dimuatnaik di dalam Portal Awam adalah format PDF sahaja.

10) Bagaimanakah cara pembayaran jika jumlah bayaran adalah melebihi amaun RM satu (1) Juta?

Jumlah pembayaran yang melebihi RM satu (1) Juta perlu dibuat di kaunter PPTGWPKL.

11) Bagi urusan 70KTN, adakah akan dihantar borang keputusan 4CE dan P1E ke akaun Portal Awam Pelanggan?

Tidak, hanya Surat Lulus akan dihantar menerusi email ke akaun Portal Awam pelanggan, dan pelanggan perlu kutip borang keputusan 4CE dan P1E di kaunter.